

12 OCT 1999

BANK-PENGGABUNGAN

PENGGABUNGAN BANK HARUS DIFIKIR DGN SERIUS

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Penggabungan industri perbankan adalah sesuatu yang mesti dipertimbangkan dengan serius ketika Malaysia berdepan dengan alaf baru yang sarat dengan persoalan utama mengenai globalisasi dan liberalisasi.

"Ia adalah sesuatu yang mesti dipertimbang dan dilaksanakan dengan serius. Ia adalah satu konsep yang baik," kata pengerusi AMMB Holdings Bhd Tan Sri Azman Hashim ketika mempengerusi bengkel kerja di Persidangan Persekutuan Penganalisis Sekuriti Asia, di sini, hari ini.

Kemudiannya, apabila ditanya oleh pemberita mengenai pembabitan AMMB Holdings dalam penyusunan semula bank-bank tempatan, Azman enggan mengulas mengenai sama ada ia telah menyerahkan pelan kepada kerajaan untuk menjadi satu daripada bank utama.

"Mungkin, saya berharap, satu hari nanti saya akan dapat menceritakan segala-galanya," katanya apabila diminta memberikan penjelasan terperinci mengenai penyusunan semula bank, terutama di bidang yang berkaitan dengan kumpulan AMMB.

Apabila ditanya bila beliau akan dapat berbuat demikian, Azman menjawab: "secepat mungkin, InsyaAllah".

Beliau enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu.

AMMB holdings mempunyai 100 peratus pegangan dalam Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd, 80 peratus dalam Arab-Malaysian Bank Bhd dan 66 peratus dalam Arab-Malaysian Finance Bhd.

Sebagai sebahagian daripada program penyusunan semula, enam bank utama telah dipilih - Malayan Banking Bhd, Multi-Purpose Bank, Bumiputra-Commerce Bank Bhd, Perwira Affin Bank Bhd, Public Bank Bhd dan Southern Bank Bhd.

Bagaimanapun, terdapat spekulasi yang tersebar luas baru-baru ini bahawa jumlah bank utama akan ditambah.

Hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bank-bank akan dibenarkan memutuskan bagi bank utama atau bank teraju di bawah program penggabungan Bank Negara Malaysia.

-- BERNAMA

MSL ZK MA